

Sektor perkhidmatan catat kenaikan harga tahun lalu

Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP), yang mengukur perubahan harga pengeluaran bagi sektor perkhidmatan tempatan di Malaysia meningkat 2.1 peratus pada 2023, sama seperti tahun sebelumnya, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata selain maklumat & komunikasi yang kekal tiada sebarang perubahan, subsektor lain mencatatkan peningkatan pada 2023.

Beliau berkata, penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman meningkat 5.6 peratus, pengangkutan mencatatkan peningkatan 2.9 peratus dan kesenian, hiburan & rekreasi naik 2.3 peratus.

“Subsektor lain yang mencatatkan peningkatan adalah pendidikan (1.0 peratus), profesional (0.4 peratus), kesihatan (0.3 peratus) dan aktiviti hartanah (0.2 peratus),” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohd Uzir berkata, kebanyakan subsektor merekodkan peningkatan harga pada suku keempat 2023, dengan IHPRP mencatatkan 115.5 mata, peningkatan 1.0 peratus berbanding 1.4 peratus pada suku ketiga 2023.

Beliau berkata, subsektor kesenian, hiburan & rekreasi meningkat sebanyak 5.5 peratus disumbangkan oleh peningkatan aktiviti perjudian & pertaruhan (6.2 peratus).

Katanya, subsektor penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman merekodkan kenaikan 3.4 peratus disebabkan oleh kenaikan dalam aktiviti perkhidmatan minuman (4.0 peratus) dan restoran & aktiviti perkhidmatan makanan bergerak (3.8 peratus).

“Pada masa yang sama, subsektor lain yang mencatatkan kenaikan adalah pendidikan (1.0 peratus), aktiviti hartanah (0.6 peratus), kesihatan (0.3 peratus) dan profesional (0.2 peratus).

“Namun begitu, indeks bagi pengangkutan mencatatkan penurunan negatif 0.5 peratus disebabkan oleh pengangkutan udara penumpang (-2.7 peratus). Sebaliknya, indeks maklumat & komunikasi kekal tidak berubah,” katanya.

Mohd Uzir menambah, perbandingan suku tahun ke suku tahun menunjukkan IHPRP meningkat perlahan 0.1 peratus berbanding 0.4 peratus yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya.

Beliau berkata, kenaikan ini disumbangkan oleh penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman (0.4 peratus), aktiviti hartanah (0.3 peratus) dan kesenian, hiburan & rekreasi (0.3 peratus).